

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 9.3.2017

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) status terkini mengenai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) oleh Kerajaan Malaysia; dan
- (b) Timbalan Menteri Pendidikan YB Senator Chong Sin Woon telah mengeluarkan kenyataan pada 4 Disember 2016 bahawa semua isu teknikal pengiktirafan UEC telah diselesaikan dan cuma menanti keputusan kabinet, agak bilakah Kerajaan akan mengumumkan pengiktirafan sijil UEC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu berkaitan pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) perlu dilihat serta difahami secara menyeluruh dalam konteks Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan dasar yang dilaksanakan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Pelaksanaannya adalah menerusi satu

sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya bagi memenuhi keperluan negara, serta memupuk perpaduan Negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

Manakala UEC pula adalah peperiksaan yang dikendalikan oleh badan persendirian menerusi jawatankuasanya yang terdiri daripada Gabungan Kesatuan Pengelola Sekolah Cina Malaysia, Gabungan Kesatuan Guru Sekolah Cina dan Kesatuan Alumni Sekolah Cina.

Sehubungan dengan itu, pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah jelas bahawa semua sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan di Negara kita perlu berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini, UEC didapati tidak akur terhadap kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah akta tersebut.

Sungguhpun begitu, Kementerian Pendidikan Malaysia menerima bahawa kedudukan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan sijil UEC masih kekal *status quonya* seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].